# MAKLUMAN MENGENAI SENARAI NILAIAN BAHARU

## (AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976,SEK 137 & 141) BAGI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT *Berkuatkuasa 1/1/2025*

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

Persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 30/2023 pada

**06 DISEMBER 2023.**

Cadangan Pengesahan Senarai Nilaian Baru Bagi Pegangan di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

## KRONOLOGI PENILAIAN SEMULA CUKAI TAKSIRAN MPKL

1987 → 38 Tahun → 2025




Kenaikan maksimum (capping) 25% daripada cukai semasa (jika tiada perubahan dari tanah kosong ke bangunan / penambahan ruang lantai)

## PEMAKLUMAN PEWARTAAN BAGI SENARAI NILAIAN BAHARU & IKLAN SURAT KHABAR

**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

**PEMBERITAHUAN**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**
**(AKTA 171)**
**NOTIS MENGENAI SENARAI NILAIAN BAHARU**

MENURUT seksyen 137 dan 141 Akta Kerajaan Tempatan 1976 *[Akta 171]*, Majlis Perbandaran Kuala Langat telah menyediakan suatu Senarai Nilaian Baharu yang akan berkuat kuasa bagi tahun yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi segala pegangan di dalam kawasan Majlis Perbandaran Kuala Langat dan salinan Senarai Nilaian Baharu itu boleh diperiksa di Majlis Perbandaran Kuala Langat, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan mulai **17 Mei 2024** oleh mana-mana orang yang mengaku pemunya atau penduduk sesuatu pegangan dalam Senarai Nilaian itu atau ejen mana-mana orang itu dan cabutan daripada Senarai Nilaian itu boleh dibuat tanpa apa-apa bayaran.

Seseorang yang terkilan atas penilaian bagi sesuatu pegangan yang dikenakan dalam Senarai Nilaian itu bolehlah menurut seksyen 142 Akta 171, membuat bantahan secara bertulis kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat pada atau sebelum **25 Jun 2024** dan Majlis Perbandaran Kuala Langat akan mula menyemak Senarai Nilaian tersebut pada **9 Julai 2024**.

**YANG DIPERTUA**
**Majlis Perbandaran Kuala Langat**
**Persiaran Majlis**
**Jalan Sultan Alam Shah**
**42700 Banting**
**Selangor Darul Ehsan**
**MALAYSIA**

**KUALA LANGAT MUNICIPAL COUNCIL**

**NOTIFICATION**

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976**
**(ACT 171)**
**NOTICE OF NEW VALUATION LIST**

PURSUANT to section 137 and 141 of the Local Government Act 1976 *[Act 171]*, Kuala Langat Municipal Council had prepared a New Valuation List which shall take effect for the year determined by the State Authority of all holdings in the Kuala Langat Municipal Council and copies of the of the New Valuation List can be inspected at Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan from **17 May 2024** by any person claiming to be either the owner or occupier of holding included in the Valuation List or an agent of any such person and extracts may be made from the Valuation List without any charge.

Any person aggrieved with the assessment of any holdings imposed in valuation List may, pursuant to section 142 Act 171 make objection in writing to the President of Kuala Langat Municipal Council on or before **25 June 2024** and Kuala Langat Municipal Council will proceed to revise the Valuation List on **9 July 2024**.

**PRESIDENT**
**Kuala Langat Municipal Council**
**Persiaran Majlis**
**Jalan Sultan Alam Shah**
**42700 Banting**
**Selangor Darul Ehsan**
**MALAYSIA**

Sinar Harian

NEW STRAITS TIMES



Nombor rujukan warta bertarikh 9 Mei 2024 nombor rujukan

MPKL/UU/UP-1/01 Jld 4; P.U. SEL. AM. 0160/3 Jld.2

# MAKLUMAN MENGENAI SENARAI NILAIAN BAHARU

**(AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976,SEK 137 & 141) BAGI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT** *Berkuatkuasa 1/1/2025*

## PERUBAHAN KADAR CUKAI TAKSIRAN

| BIL | JENIS PEGANGAN HARTA | KADAR CUKAI TAKSIRAN TAHUN 1987 | KADAR CUKAI TAKSIRAN BAHARU TAHUN 2025 |
|---|---|---|---|
| 1. | BANGUNAN | | |
| | i. Bangunan Kediaman | 5.5% - 14.0% | 3% |
| | ii. Bangunan Perniagaan | 6.5% - 14.0% | 4% |
| | iii. Bangunan Perindustrian | 6.5% - 14.0% | 5% |
| | iv. Institusi Pendidikan (Tadika, Sekolah, Kolej dan Institut Pengajian Tinggi) | 6.5% - 14.0% | 4% |
| 2. | BANGUNAN DIDIRIKAN DIATAS TANAH PERTANIAN | | |
| | i. Bangunan kediaman diatas tanah pertanian | 1% | 3% |
| | ii. Bangunan perniagaan diatas tanah pertanian | 6.5% - 14.0% | 4% |
| | iii. Bangunan perindustrian diatas tanah pertanian | 6.5% - 14.0% | 5% |
| | iv. Bangunan untuk tujuan pertanian dan ternakan diatas tanah pertanian | 1% | 3% |
| 3. | TANAH KOSONG | | |
| | i. Pertanian | 1% | 1% |
| | ii. Kategori "Bangunan" disyaratkan untuk kediaman | 5.5% - 14.0% | 3% |
| | iii. Kategori "Bangunan" disyaratkan untuk perniagaan | 6.5% - 14.0% | 4% |
| | iv. Kategori "Perindustrian" | 6.5% - 14.0% | 5% |
| 4. | SUMBANGAN MEMBANTU KADAR / BANGUNAN DI BAWAH SEK. 163 AKTA 171. | kadar mengikut jenis- jenis kegunaan Bangunan seperti di atas | kadar mengikut jenis- jenis kegunaan Bangunan seperti di atas |
| 5. | ASET DAN FASILITI AIR SELANGOR | 3% | 3% |

## KADAR PERATUS(%) YANG DIGUNAKAN



RUMAH KAMPUNG **3%**



**3%** KEDIAMAN




PERNIAGAAN **4%**



**5%** PERINDUSTRIAN



TANAH PERTANIAN **1%**

# MAKLUMAN MENGENAI SENARAI NILAIAN BAHARU

**(AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976,SEK 137 & 141) BAGI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT** *Berkuatkuasa 1/1/2025*

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

## CONTOH NOTIS SENARAI NILAIAN BAHARU

TARIKH TAMAT PERMOHONAN BANTAHAN

**25 JUN 2024**

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
PERSIARAN MAJLIS, JALAN SULTAN ALAM SHAH,
42700 BANTING,
SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel : 03-3853 0303 Fax : 03-31879304
Hotline/ Whatsapp : 012-3004155 Email: jpph@mpkl.gov.my

NAMA PEMILIK

ALAMAT SURAT MENYURAT

TARIKH CETAK NOTIS

NO AKAUN HARTA

**NOTIS MENYEMAK SENARAI NILAIAN**
**Seksyen 141, Akta Kerajaan Tempatan 1976**

Tuan/puan adalah dimaklumkan bahawa **Majlis Perbandaran Kuala Langat** akan menyemak Senarai Nilaian Tahun 2020 bagi menggantikan Senarai Nilaian 1987 bagi pegangan yang disebut di bawah ini pada **9/7/2024** dan akan dikuatkuasakan tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

| MAKLUMAT PEGANGAN | | |
|---|---|---|
| KAWASAN | : | |
| MUKIM | : | |
| NOMBOR LOT | : | |
| NO. HAKMILIK | : | |
| NO. BANGUNAN | : | |
| ALAMAT HARTA | : | |
| NILAI TAHUNAN LAMA | : | RM 2,220.00 |
| KADAR LAMA | : | 10.0% |
| CUKAI TAKSIRAN LAMA | : | RM 222.00 |
| NILAI TAHUNAN BARU | : | RM 9240.00 |
| KADAR BARU | : | 3% |
| CUKAI TAKSIRAN BARU | : | RM 277.20 |
| CUKAI TAKSIRAN PERLU DIBAYAR SETAHUN | : | RM 277.20 |

Cukai sedia ada tahun 2024

Jumlah cukai perlu dibayar berkuatkuasa **1 Januari 2025**

Sesiapa yang tidak berpuas hati seperti alasan-alasan yang terkandung di dalam Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), tuan/puan boleh membuat bantahan bertulis kepada Yang Dipertua **Majlis Perbandaran Kuala Langat** , dan bantahan hendaklah sampai ke Majlis pada atau sebelum **25 JUN 2024**

Yang DiPertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat.

Sebarang bantahan boleh dikemukakan dengan mengisi permohonan:
1. Melalui Imbasan 'QR Code'
2. Melalui muat turun Borang Permohonan Bantahan di laman sesawang MPKL di www.mpkl.gov.my
dan diemel ke jpph@mpkl.gov.my atau dialamatkan kepada Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kuala Langat, Persiaran Majlis.

Pemilik harta yang terkilan ke atas CUKAI PERLU DIBAYAR boleh membuat bantahan sehingga 25 JUN 2024

KENAIKAN MAKSIMUM (CAPING) 25% DARIPADA CUKAI SEMASA

## CONTOH PENGIRAAN BAGI KATEGORI PEGANGAN (HARTA) KEDIAMAN

| | |
|---|---|
| Sewa sebulan RM 770.00 X 12 bulan (*Anggaran sewa tahun 2020) | = RM 9,240.00 setahun |
| Kadar kediaman 3% | X 0.03 |
| Jumlah cukai taksiran setahun | = RM 277.20 |
| Jumlah cukai taksiran setengah tahun | = RM 138.60 |



# MAKLUMAN MENGENAI SENARAI NILAIAN BAHARU

**(AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976,SEK 137 & 141) BAGI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT** *Berkuatkuasa 1/1/2025*

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

## BANTAHAN CUKAI TAKSIRAN

- Sesiapa yang tidak berpuas hati seperti alasan-alasan yang terkandung di dalam Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), tuan/puan boleh membuat bantahan ini kepada Majlis Perbandaran Kuala Langat dan bantahan hendaklah sampai ke Majlis pada atau sebelum 25 Jun 2024.
- Mengikut Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171) seksyen 142 pemilik harta bercukai dibolehkan membuat bantahan terhadap cukai yang dikenakan.
- Bantahan boleh dibuat sekiranya seseorang itu terkilan atas mana-mana daripada alasan berikut:

i. Bahawa sesuatu pegangan yang baginya dia dikenakan kadar adalah dinilai lebih daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar.
ii. Bahawa sesuatu pegangan yang dinilai adalah pegangan yang tidak boleh dikenakan kadar.
iii. Bahawa seseorang atau sesuatu pegangan yang sepatutnya termasuk dalam Senarai Nilaian itu adalah ditinggalkan daripadanya.
iv. Bahawa sesuatu pegangan adalah dinilai kurang daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar atau
v. Bahawa sesuatu pegangan atau pegangan-pegangan yang telah dinilai secara bersesama atau berasingan sepatutnya dinilai secara lain.

## CARA BUAT BANTAHAN:

Bantahan boleh dikemukakan melalui saluran berikut **selewat-lewatnya 25 JUN 2024**

- Melalui imbasan kod QR (*Google Form*)
- Melalui muat turun borang bantahan di *https://mpkl.gov.my/sumber/muat-turun-borang/jabatan-penilaian-dan-pengurusan-harta/* atau imbasan kod QR
- E-mel kepada ***jpph@mpkl.gov.my*** ; atau
- Hantar kepada ***Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Kuala Langat, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan***

SILA IMBAS KOD QR

*Google Form*

Borang Bantahan

**Sebarang pertanyaan sila hubungi**
**03-3853 0303**
*samb. 1503/1504/1509*
**atau Hotline**
**012-300 4155**

